

Markah Penuh : 110 markah**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

(i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi *di* dan *ke*
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya tidak perlu diperiksa.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap saja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup											2
	Jumlah markah										20

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan [2markah]

Markah

Petikan membincangkan **faedah/manfaat/kebaikan** menjaga alam sekitar **di negara ini**

2

Petikan membincangkan **faedah/manfaat/kebaikan** menjaga alam sekitar

1

Isi Tersurat [4 hingga 12 markah]

- S1 membolehkan kita menyedut udara yang segar. 2
- S2 membolehkan badan kita mendapatkan bekalan oksigen yang secukupnya 2
- S3 Udara yang bersih dan segar juga membolehkan kita menikmati keselesaan hidup 2
- S4 Alam sekitar yang menghijau membuatkan kita berasa selesa 2
- S5 Penanaman tumbuhan hijau bertujuan mengurangkan pemanasan global melalui penyerapan karbon dioksida 2
- S6 Alam sekitar yang bersih juga dapat mengelakkan pembiakan serangga pembawa penyakit 2
- S7 mengelakkan bau yang boleh mengganggu keselesaan hidup 2
- S8 Alam sekitar yang menghijau menyebabkan kita mendapat sumber air yang bersih 2
- S9 Alam sekitar yang dijaga oleh semua lapisan masyarakat dapat mengelakkan kepupusan haiwan dan tumbuh-tumbuhan 2
- S10 Alam sekitar yang bersih akan dapat meningkatkan ekonomi negara 2

Isi Tersirat [4 hingga 12 markah]

- T1 Kerajaan **menguatkuasakan undang-undang/menenakan hukuman** ke atas pihak-pihak tertentu (pembalok haram, kontraktor, pengusaha pusat peranginan, dll) 2
- T2 Pihak swasta mengadakan pelbagai **kempen kesedaran** (ceramah, pameran, iklan, dll) 2
- T3 Pihak NGO/sekolah / masyarakat mengadakan pelbagai **program** untuk melestarikan alam sekitar (program 1Murid 1Pokok, program Sungai Angkat, program Sekolah Dalam Taman, program Kitar Semula, dll) 2
- T4 Ibu bapa mesti menjadi **qudwah hasanah** (membuang sampah di tapak pelupusan, tidak membuang sampah merata-rata, dll) 2
- T5 Ibu bapa mesti memberikan didikan **agama** dan menerapkan **nilai-nilai murni** dalam diri anak-anak sejak mereka kecil. 2
- T7 Hutan diwartakan sebagai **hutan simpan**. 2
- T8 Peranan individu **mengikis sikap negatif** dalam diri/buat aduan (Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai) 2

Penutup

Kesimpulannya, alam sekitar perlu dijaga supaya generasi muda dapat menikmati keindahan alam semula jadi di negara ini. 2

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 9	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 6	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ejaan betul juga memuaskan
Lemah	1 – 7	1 – 4	- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah **1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak **1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum** : 10 markah]

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2 (a) : 9 markah

Soalan 2 (b) : 9 markah

Soalan 2 (c) : 9 markah

Soalan 2 (d) : 9 markah

Perhatian bagi soalan 2 (a) hingga soalan 2 (d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/semurna.
3. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah :

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
Isi kurang lengkap/ kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
Isi tidak betul /tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum

(i) **Maksud**

- mengatasi kehilangan

2

[Maksimum : 2 markah]

(ii) **Manfaat-manfaat**

- meningkatkan nilai tukaran wang asing, seterusnya memajukan perkembangan ekonomi negara
- menyebabkan masyarakat desa yang ada hubung kait dengan industri pelancongan dapat dimajukan
- mengurangkan kadar pengangguran

[Maksimum : 3 markah]

(iii) **Kekangan-kekangan**

- Sikap pengusaha projek pembangunan/kontraktor yang tidak mahu bekerjasama untuk menjayakan pembangunan mesra alam.
- Pemaju terlalu mengutamakan keuntungan semata-mata
- Tiada garis panduan yang jelas daripada Pihak Berkuasa Tempatan
- Tiada kesedaran/pengetahuan tentang kepentingan pembangunan mesra alam.

(Isi-isi yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden

(i) Sebab-sebab orang Melayu tidak mahu merdeka

- merdeka bererti kena berjuang
- lebih baik menangkap ikan
- lebih baik minum di warung kopi
- mengelamun tidak menentu

(Isi cukup: 2 isi)

(Maksimum : 2 markah)

(ii) Cara untuk mempertahankan kemerdekaan negara kita:

- kerajaan mengawal kemasukan pendatang asing
- media massa memaparkan dokumentari tentang kepentingan kemerdekaan
- ibu bapa menerapkan semangat cinta akan negara sejak anak-anak masih kecil
- individu mengukuhkan jati diri/ sanggup berkorban demi negara

(Isi cukup: 2isi)

(Maksimum: 3 markah)

(ii) Satu perwatakan Dato' Onn dalam petikan

- berani

Contoh: Datuk Onn berani menyuarakan pendapat.

(1 + 1)

- prihatin

Contoh: Datuk Onn prihatin untuk mengubah pemikiran orang Melayu

(1 + 1)

(iii) Satu perwatakan lain daripada drama tersebut yang tidak terdapat dalam petikan

- penyayang

Contoh: Dato' Onn menyayangi anak-anak saudaranya yang kematian bapa

(1 + 1)

- tegas

Contoh: Dato' Onn sanggup diberhentikan kerja sebagai Pegawai Pemungut Hasil Tanah dengan kerajaan Inggeris kerana beliau tidak sanggup tunduk dengan penjajah yang sering menindas orang Melayu.

(1 + 1)

- cinta akan negara/patriotik

Contoh: Dato' Onn memperjuangkan nasib orang Melayu

(1+1)

(Maksimum: 4 m)

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

- (i) Maksud rangkai kata seperti hadamat bunyinya ialah
- bunyi yang terlalu bising / riuh-rendah (Maksimum: 2 markah)
- (i) Reaksi baginda ketika diserang ketika masuk ke negeri Johor
- Baginda mudik lalu ke pangkalan Rama
 - melompat naik ke atas jambatan
 - memegang pedang kerajaan yang bernama Sepurejab
- (Isi cukup: 2 isi) (Maksimum: 3 markah)
- (ii) Cara yang berkesan untuk mengalahkan musuh dalam peperangan ialah
- Mengkaji kelemahan musuh
 - Merangka strategi / membuat perancangan yang berkesan
 - Membuat persiapan yang rapi/melatih askar
 - Menyediakan senjata yang lengkap/canggih
- (Isi cukup: 2 isi) (Maksimum: 3 markah)

Soalan 2 (d) – Sajak

- (i) Maksud rangkap ketiga
- Manusia tetap sama walau di mana-mana mereka berada
- (Maksimum : 2 markah)
- (ii) Kesan yang timbul jika masyarakat tidak bersatu padu:
- Negara akan kucar-kacir
 - Ekonomi negara tergugat
 - Imej negara tercemar
 - Masyarakat akan terancam
- (Isi cukup: 2 isi)
- (Maksimum: 3 markah)
- (iii) Pengajaran:
- Kita hendaklah saling menyayangi sesama manusia supaya ..
 - Kita hendaklah sentiasa mengamalkan perpaduan sejagat supaya ..
 - Masyarakat dunia perlu bersatu padu tanpa mengira keturunan dan asal usul.
- (Isi cukup: 2 isi)
- (Maksimum: 4 markah)

Peraturan Pemarkahan

Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada :

Soalan 3(a)	:	6 markah
Soalan 3(b)	:	6 markah
Soalan 3(c)	:	6 markah
Soalan 3(d)	:	6 markah
Soalan 3(e)	:	6 markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak ½ markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
5. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
7. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

Jawapan 3(a)

(i) habis-habisan	-hingga habis semuanya -dengan sepenuh kemampuan (tenaga, kesungguhan) - mati-matian -terlalu sangat, dengan tidak bersekat
(ii) kecil-kecilan	-tidak secara besar-besaran -sedikit demi sedikit
(iii) kenang-kenangan	-segala sesuatu yang dikenangkan -sesuatu yang ada dalam dalam fikiran atau ingatan -sesuatu yang dapat mengingatkan (seseorang) tentang sesuatu yang lain
(iv) terang-terangan	-berterang-terang
(v) terus-terusan	-tidak berkeputusan -tidak berhenti-henti, tidak putus-putus - secara langsung
(vi) timang-timangan	-anak yang sangat dikasihi atau dimanjakan -nama lain daripada nama yang diberikan ketika lahir, gelaran

Jawapan 3(b)

- (i) Saya membasuh pakaian yang kotor itu di perigi.
- (ii) Semua guru sekolah kami mengagumi kepintaran pelajar istimewa itu dalam mata pelajaran Matematik.
- (iii) Berita itu mengejutkan kami sekeluarga.

(HANYA JAWAPAN INI DITERIMA)

Jawapan 3(c)

- (i) diperlebarkan – diperlebar
pelusuk – pelosok
- (ii) memasak – memasakkan
beryani – beriani
- (iii) selsema – selesema
mencegah – dicegah

Jawapan 3 (d)

- (i) memberikan – menjatuhkan
di atas – atas
- (ii) ramai pelajar-pelajar – ramai pelajar
pengiktirafan – penghargaan
- (iii) dinikmati oleh kita – kita nikmati
pekerjaan – pengorbanan

Jawapan 3(e)

- (i) sedikit-sediki lama-lama menjadi bukit
- (ii) alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan
- (iii) carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum jua.

Soalan 4

Markah penuh 15

- (a)
- i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari
 - ii) Jawapan mestilah dalam ayat yang lengkap
 - iii) Berikan **1 markah** bagi setiap kritikan sosial dan **1 markah** huraian yang betul.
 - iv) Markah isi maksimum **4 markah** (maksimum 2 markah bagi setiap kritikan sosial)
 - v) Markah **bahasa** maksimum **3 markah**
 - vi) Markah bahasa diberi secara impression
 - Baik : 3 markah
 - Sederhana : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 - ix) calon tidak menjawab 0 markah.
- (b)
- i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
 - ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
 - iii) Beri **1 markah** bagi setiap teknik plot yang betul
 - iv) Beri **2 markah** bagi huraian/ccontoh yang betul untuk setiap teknik plot
 - v) Markah isi **maksimum 6 markah** (maksimum 3 markah bagi isi setiap novel)
 - vi) Markah bahasa maksimum 2
 - vii) Markah bahasa diberi secara impression
 - Baik : 2 markah
 - Lemah : 1 markah
 - viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
 - viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

Jawapan Soalan 4 (a)

1. Novel : Renyah.

4(a) Kepincangan sosial dalam kalangan masyarakat / kritikan sosial:

- **Ajaran sesat dalam kalangan anak muda/masyarakat**

cth: Mukhlis dan Shaiful Bahri terpengaruh dengan ajaran songsang.

- **Penagihan dadah dalam kalangan artis / anak muda**

cth: Dani ditangkap polis kerana memiliki dadah sebelum kumpulan The Young Rock Band mengadakan persembahan di Ekspo Perdagangan Pemuda di sebuah Pekan Kecil.

- **Penyalahgunaan kuasa dan amalan rasuah dalam kalangan kakitangan kerajaan masyarakat**

cth: Hasnol yang merupakan pegawai tadbir diplomatik telah menerima rasuah sebanyak RM 300 ribu daripada Tg Munir agar meluluskan Projek Jambatan Kota yang bernilai RM 80 juta.

- **Pengkhianatan terhadap negara**

cth: Ilham menjadi pengkhianat negara setelah dipengaruhi oleh Bruno Munser, iaitu aktivis alam sekitar dengan memburuk-burukkan kerjaan Malaysia di luar negara

- **Sikap boros/materialistik dalam kalangan masyarakat**

cth: Linda, iaitu isteri Hasnol suka berbelanja boros dan mengamalkan gaya hidup mewah sehingga Hasnol terpaksa berhutang dan terdorong untuk menerima rasuah.

- **Sikap tidak jujur/suka mengambil kesempatan terhadap kebaikan orang lain**

cth: Albert Lee, iaitu rakan kongsi Datuk Dolhi cuba menguasai syarikat Dolhi-Albert Holding dengan cara menjodohkan anak-anaknya dengan anak-anak Datuk Dolhi.

cth: Albert Lee juga cuba mengambil kesempatan atas konflik yang berlaku dalam keluarga Datuk Dolhi untuk mengambil alih syarikat.

2. Novel : Sutera Dalam Lukisan.

4(a) Kepincangan sosial dalam kalangan masyarakat / kritikan sosial:

- **Penganiayaan sikap memandang rendah terhadap golongan kurang bernasib baik**

cth: Alias dan segelintir penduduk kampung memandang hina dan membuli Bujei kerana dia dianggap tidak siuman.

- **Sikap tidak bertanggungjawab/zalim terhadap keluarga sendiri**

cth: harun sering memukul isterinya, Fatimah dan menerajangnya sehingga pengsan.

cth: Harun membelasah Bujei sehingga pengsan setelah Bujei merosakkan menumpahkan dakwat pada dokumen yang diserahkan Harun.

- **Fitnah dalam kalangan masyarakat**

cth: Alias memfitnah Bujei dengan mengatakan bahawa Bujei seorang yang bodoh, berpenyakit kulit dan maniac.

- **Kepercayaan tahyul/kurafat dalam kalangan masyarakat**

cth: Alias dan neneknya, Opah Arah mendapatkan bantuan bomoh/ilmu hitam/ubat pengasih untuk mendapatkan Adila.

- **Sikap tidak berpegang pada janji dalam kalangan masyarakat**

cth: Faizal, bekas tunang Adila tidak setia pada janji dan berkahwin dengan orang lain.

- **Sikap suka berdendam**

cth: Alias dan neneknya, Opah Arah berdendam dengan Bujei, Adila dan Sidang Seman kerana pinangannya ditolak.

Jawapan Soalan 4 (b) – Teknik Plot

1. Novel : Renyah

- **Teknik Dialog**

cth: Perbualan antara Datuk Dolhi dengan anak-anaknya berkaitan pandangan mereka terhadap bidang perniagaan

cth: Dialog antara Datuk Dolhi dengan Datin Tominah berkaitan pertunjukan busana muslim di Hotel Merlin.

- **Teknik Imbas kembali**

cth: Datuk Dolhi yang teringat kisah 28 tahun yang lalu, iaitu kisah Allahyarham isterinya Mastura yang baik hati ketika dalam penerbangan pulang ke Malaysia dari Jepun.

cth: Datuk Dolhi teringat peristiwa pertama kali dia pergi ke Jepun mengikuti program JICA.

- **Teknik Imbas muka**

cth: Mukhlis yang teringat Datin Tominah lalu dia membayangkan kemarahan ibunya itu akibat tindakannya berkahwin dengan Fatimah tanpa pengetahuan keluarga.

cth: Datuk Dolhi meramalkan Wahi akan menjadi pengurus yang baik beberapa tahun akan datang.

cth; Hasnol membayangkan masalah kewangannya akan selesai dan dia mampu membawa isteri dan anak-anaknya makan angina ke London jika menerima rasuah daripada Tengku Munir.

- **Teknik Suspens**

cth: Pembaca tertanya-tanya peminat misteri yang telah menghadihkan sejambak bunga kepada Ameera.

cth: Pembaca ingin tahu sebab-sebab Datuk Dolhi berasa marah apabila Datin Tominah mencadangkan Wahi dijodohkan dengan Ameera.

- **Teknik Kejutan**

-

cth: Pembaca tidak menyangka Datuk Dolhi mengumumkan Wahi ialah anak kandungnya.

Jawapan Soalan 4 (b) – Teknik Plot

1. Novel : Sutera Dalam Lukisan

- **Teknik Dialog**

cth: Perbualan antara Adila dengan Bujei ketika kali pertama mereka berkenalan

cth: Dialog antara Wak Senen dengan Bujei berkenaan tanah pusaka Bujei.

- **Teknik Imbas kembali**

cth: Bujei teringat akan kekejaman bapa tirinya, Harun yang menuduhnya penyebab kebakaran di rumah mereka yang telah meragut nyawa ibunya, Fatimah.

cth: Adila teringat peristiwa pertemuan kali pertamanya dengan Bujei di persimpangan jalan ke jambatan.

- **Teknik Imbas muka**

cth: Adila membayangkan Bujei dapat dipulihkan seperti manusia normal yang lain.

cth: Sani, Ishak dan orang kampung meramalkan bahawa pinangan Alias akan ditolak oleh Adila..

- **Teknik Suspens**

cth: Pembaca tertanya-tanya sama ada Sidang Saman menyokong tindakan Harun yang ingin mendapatkan tanah pusaka Bujei kerana Sidang Saman meminta Harun sendiri mendapatkan cap jari Bujei.

cth: Pembaca ingin tahu kesudahan tindakan Bujei yang berani menghayunkan parang ke arah Alias yang telah merosakkan radio kesayangannya.

- **Teknik Kejutan**

cth: Pembaca tidak menyangka Bujei berani menghayunkan parang panjang berkarat ke arah Alias yang telah merosakkan radio milik Bujei.

cth: Pembaca berasa terkejut apabila Bujei berani naik ke pentas dan menyanyikan lagu Bahtera Merdeka dengan suara yang cukup merdu.

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT